



## **JUHARA AYOB**

### **LATAR BELAKANG**

Kerana minat yang mendalam di dalam bidang teater, beliau telah melanjutkan pelajaran di Akademi Seni Kebangsaan pada tahun 1994 dan menamatkan pengajian di dalam Diploma Teater pada tahun 1998. Seterusnya, beliau melanjutkan pelajaran di peringkat ijazah di Universiti Malaya dan memperoleh Ijazah Sarjana Muda Seni Persembahan (Drama) pada tahun 2011 dan menyambung pengajian ke peringkat sarjana dan telah mendapatkan sijil Ijazah Sarjana Pendidikan di Universiti Malaya pada tahun 2014.

Mula melibatkan diri dalam bidang Seni Tari dan Teater semasa bekerja di Kompleks Budaya Negara pada tahun 1988. Melakonkan pelbagai genre dalam teater tradisional seperti Makyung, Bangsawan dan Randai. Beliau turut terlibat dengan teater moden, eksperimen, fizikal dan muzikal selain itu, beliau turut menceburi bidang lakonan tv, filem dan drama radio sebagai suara latar.

Beliau berpeluang berlakon di bawah pengarah teater terkenal seperti Dato Rahim Razali, Ahmad Yatim, Dato Syed Alwi, Dato Noordin Hassan dan ramai lagi.

## **PENCAPAIAN**

Beliau telah Berjaya mendapat beberapa anugerah seperti anugerah Pelakon Pembantu Wanita Terbaik Anugerah Seri Angkasa 2001, Pelakon Pembantu Wanita Terbaik Anugerah Skrin TV3 2005, dan Anugerah Seni Negara Pelakon Teater Bakat Muda 2006.

Beliau ditawarkan sebagai tutor di Fakulti Teater ASWARA pada tahun 1999 hingga tahun 2004, kemudian menjadi Pensyarah Sambilan pada tahun 2005 hingga tahun 2010, seterusnya menjadi Pensyarah Kontrak pada tahun 2011 hingga tahun 2015. Bermula tahun 2015 beliau telah berkhidmat sebagai Pensyarah Tetap dan kini beliau merupakan Pengarah Pusat Seni Pentas Tradisional ASWARA.